



## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 39/2020

RUJUKAN : 30 APRIL 2020



**BANCIS**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Cabaran Malaysia menghadapi penyebaran wabak COVID-19 memerlukan perhatian dan komitmen dari setiap lapisan masyarakat. Pada fasa yang keempat ini, kerajaan komited untuk memastikan fasa pemulihan dalam negara mencapai objektif. Selain usaha melindungi jangkitan kes penularan tempatan, pemantauan kes yang diimport menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya apabila angka jangkitan harian dari “pengembara” dilihat membayangi peningkatan kes bagi fasa yang terkini ini. Sehingga 30 April 2020, **sebanyak 251 individu telah dikenalpasti** mempunyai **jangkitan positif**, pertambahan 25 kes berbanding hari sebelumnya. Catatan harian terbaru ini sebahagian besarnya melibatkan individu yang telah melawat Emiriah Arab Bersatu, Mesir dan Singapura dengan menyumbang 84 peratus daripada kes positif yang diimport. Walau bagaimanapun, catatan ini lebih rendah jika dibandingkan pertambahan 72 kes pada permulaan fasa keempat. Berdasarkan **kumulatif kes positif pengembara** mengikut negeri, **sebanyak 89 kes dicatatkan di Negeri Sembilan** disusuli W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya sebanyak 61 kes, Melaka (41 kes), Selangor (31 kes), Johor (16 kes), Sarawak (12 kes) dan Kedah (1 kes) seperti pada Jadual 1. Umumnya, sebanyak 80 peratus daripada peningkatan terbaru ini didominasi oleh kawasan Lembah Klang.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 30 April 2020 **kumulatif kes sembah meningkat kepada 4,171** atau 69.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,729 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **57 kes positif baharu (25 kes import)** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,002 kes**. **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.7 peratus**, Zon Selatan (22.9 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.3 peratus) dan Zon Utara (8.1 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Selangor** dengan **merekodkan 27 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (10 kes), manakala Sarawak, Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing sebanyak 5 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 7 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **102 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **2 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 2.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **12 daerah** masih kekal dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 29 April 2020, antara **daerah atau kawasan** yang telah merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Lembah Pantai dengan 293 kes** dan **Kuching sebanyak 165 kes**. Namun begitu, **sejumlah 88 daerah** dari seluruh negara

berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan dan Perlis telah menunjukkan pemulihan dengan tiada rekod kes aktif sementara Perak dan W.P Labuan masing-masing hanya mencatatkan 2 kes aktif.

Di seluruh dunia, sebanyak **3,204,762 individu** telah dijangkiti wabak **COVID-19** dengan melibatkan **227,849 kematian**. **Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,040,488 kes**, disusuli Sepanyol dengan 236,899 kes dan Itali sebanyak 203,591 kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** 16,169 kes jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (9,771 kes), Filipina (8,488 kes) termasuk Malaysia (6,002 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 26.8 peratus**, diikuti Itali yang mencatatkan 12.1 peratus, United Kingdom (11.5 peratus) dan Sepanyol (10.7 peratus). United Kingdom mencatatkan **kadar kematian 15.72 peratus melebihi Belgium** (15.67 peratus), Perancis (14.48 peratus), Itali (13.60 peratus). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.11 peratus manakala kes sembuh merekodkan 982,902 kes (30.67 peratus) seperti pada Jadual 3.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS: Penjualan rumah tertangguh pada bulan Mac 2020 turun lebih banyak daripada yang dijangkakan.** Laporan yang dikeluarkan oleh National Association of Realtors (NAR) menunjukkan **indeks penjualan rumah yang belum selesai jatuh 20.8 peratus kepada 88.2 pada bulan Mac** setelah melonjak 2.3 peratus kepada 111.4 pada bulan sebelumnya. Penurunan ini adalah lebih besar berbanding yang dijangkakan iaitu indeks turun ke paras 100. Kemerosotan yang lebih besar daripada yang dijangkakan ke atas penjualan rumah belum selesai adalah kerana **empat wilayah utama mengalami penurunan dalam aktiviti kontrak pada perbandingan MoM dan YoY.** (RTT)

**AS: KDNK AS turun -4.8 peratus pada suku pertama.** Kegiatan ekonomi AS menyaksikan penurunan besar pada suku pertama tahun 2020. Laporan itu menunjukkan KDNK AS turun pada kadar perbandingan bulan-ke-bulan yang ditahunkan -4.8 peratus pada suku pertama berbanding pertumbuhan 2.1 peratus yang direkodkan pada suku keempat 2019. Penurunan KDNK **disumbangkan oleh pertumbuhan negatif perbelanjaan pengguna, pelaburan tetap bukan kediaman, eksport dan perubahan inventori swasta.** Sementara itu, sumbangan positif dari pelaburan tetap kediaman, perbelanjaan kerajaan persekutuan, dan perbelanjaan kerajaan negeri & tempatan membantu mengurangkan impak penurunan. **Perbelanjaan pengguna jatuh 7.6 peratus pada suku pertama didorong penurunan mendadak perbelanjaan ke atas perkhidmatan.** (RTT)

**AS-CHINA: China komited dalam perjanjian perdagangan fasa pertama.** Menurut pegawai kanan perdagangan AS, China kekal komited untuk memenuhi komitmennya di bawah perjanjian perdagangan Fasa 1 walaupun di tengah-tengah krisis ekonomi dan kesihatan yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. AS kerap berkomunikasi dengan China mengenai pelaksanaan perjanjian perdagangan dan untuk memastikan bahawa China memenuhi perjanjian untuk membeli barang dan perkhidmatan AS. Selain itu, Perjanjian Fasa 1 ini **turut menekankan perlindungan Harta Intelek (IP)** dan tindakan telah dilaksanakan oleh China berkenaan perkara berkenaan. (Reuters)

**EU: Keyakinan terhadap ekonomi di zon Eropah jatuh akibat COVID-19.** Tinjauan European Commision menunjukkan taraf keyakinan ekonomi zon Eropah turun mendadak pada bulan April akibat pandemik COVID-19. **Indeks keyakinan ekonomi jatuh ke 67.0 pada bulan April** daripada 94.2 pada bulan Mac yang lalu. Ini adalah **penurunan bulanan terbesar sejak tahun 1985**. Di antara sektor yang mengalami kemelesetan yang sangat ketara adalah perkhidmatan dan perdagangan runcit. Indeks sentimen industri merosot kepada -30.4 dari -11.2 pada bulan yang lalu. (RTT)

**EU: Inflasi Jerman paling lemah semenjak akhir 2016.** Perangkaan awalan yang dikeluarkan oleh agensi statistik rasmi Jerman menunjukkan inflasi Jerman perlahan ke paras terendah yang pernah direkodkan sejak akhir 2016. **Inflasi harga pengguna perlahan kepada 0.8 peratus pada bulan April** daripada 1.4 peratus pada bulan Mac 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini adalah lebih tinggi berbanding ramalan ahli ekonomi sebanyak 0.6 peratus. **Kenaikan kos barang perlahan kepada 0.3 peratus** daripada 1.3 peratus. Pada masa yang sama, **kos perkhidmatan meningkat 1.3 peratus**, sedikit perlahan daripada kenaikan 1.4 peratus pada Mac 2020. Perbandingan bulan-ke-bulan (*MoM*) menunjukkan harga pengguna meningkat 0.3 peratus berbanding jangkaan pertumbuhan 0.1 peratus. Inflasi, berdasarkan indeks harga pengguna yang diselaraskan (HICP) naik 0.8 peratus (*YoY*) berbanding kenaikan 1.3 peratus pada bulan Mac. HICP naik 0.4 peratus (*MoM*), lebih cepat daripada jangkaan kenaikan 0.1 peratus. (RTT)

**EU: Harga pengeluar Itali jatuh.** Menurut agensi statistik rasmi Itali Istat, **indeks harga pengeluar Itali menurun untuk bulan kesembilan berturut-turut pada Mac 2020.** Indeks harga pengeluar **merosot 3.6 peratus (*YoY*)** pada bulan Mac setelah mencatatkan penurunan 2.7 peratus pada bulan Februari. Pada perbandingan bulan-ke-bulan, harga pengeluar turun 1 peratus pada bulan Mac, menyusuli penurunan 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Di pasaran domestik, harga pengeluar jatuh 1.3 peratus (*MoM*) dan -4.9 peratus (*YoY*) pada Mac 2020. Sementara itu, harga pengeluar di pasaran luar turun sebanyak -0.5 peratus (*MoM*) dan -0.1 peratus (*YoY*). (RTT)

**SINGAPURA:** Harga pengeluar turun pada bulan Mac 2020. Harga pengeluar Singapura turun pada kadar yang lebih cepat pada bulan Mac. **Indeks harga produk pembuatan turun 5.6 peratus (YoY) pada bulan Mac**, menyusuli penurunan 2.1 peratus pada bulan Februari. **Indeks minyak turun 45.1 peratus (YoY) pada bulan Mac, sementara indeks selain minyak naik 0.7 peratus.** Pada perbandingan bulan-ke-bulan, harga pengeluar turun 2.1 peratus pada bulan Mac, menyusuli penurunan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Laporan turut menunjukkan harga import turun 8.3 peratus setiap tahun pada bulan Mac berbanding penurunan 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Berdasarkan (MoM), harga import turun 5.6 peratus pada bulan Mac, setelah kenaikan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

**AUSTRALIA:** Inflasi meningkat 0.3 peratus pada suku pertama. Secara keseluruhan harga pengguna di Australia meningkat 0.3 peratus QoQ pada suku pertama tahun 2020. Prestasi ini melebihi jangkaan kenaikan 0.2 peratus dan lebih rendah dari 0.7 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun, inflasi meningkat 2.2 peratus berbanding 1.8 peratus pada suku keempat 2019. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Ekonomi Malaysia mengalami **kerugian sekitar RM11.6 bilion setelah sektor pembinaan ditutup** semasa fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 2) **Eksport minyak sawit dari Malaysia merosot sebanyak 41.7 peratus** pada bulan pertama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan PKP bagi membendung penularan wabak Covid-19.
- 3) Proton Holding Bhd. akan **mengeluarkan 60,000 face shield** hasil kerjasama dari syarikat induknya DRB-HICOM untuk diedarkan kepada petugas barisan hadapan negara.
- 4) Malaysia Airlines (MAB) bekerjasama rapat dengan Khazanah Nasional berkenaan **keperluan bantuan kewangan akibat krisis COVID-19** akibat krisis COVID-19 ekoran MAB menawarkan cuti tanpa gaji dan pemotongan gaji untuk mengawal aliran tunai syarikat.
- 5) Malaysia dan UAE antara tujuh negara dengan kadar eksport produk halal tertinggi. Malaysia telah mengembangkan Pelan Induk Industri Halal 2.0, yang bertujuan untuk mewujudkan Halal Malaysia, dengan budaya dan ekonomi global. Permintaan untuk **produk halal yang diimport bernilai sekitar \$34 bilion setiap tahun**. Eksport produk halal dari Vietnam ke pasaran ini pada masa ini berjumlah sekitar \$10.5 bilion.
- 6) Semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah **menyebarluaskan 360 potensi dagangan yang diterima daripada syarikat luar** yang berminat untuk **mendapatkan produk serta perkhidmatan dari Malaysia** dalam pelbagai sektor seperti produk perubatan dan farmaseutikal. Produk lain yang mendapat perhatian termasuk makanan & minuman, bahan kimia, automotif, perabot, elektrik dan elektronik.
- 7) OSK Property akan **melancarkan projek dengan jumlah Gross Development Value (GDV) sebanyak RM311.9 juta** tahun ini kerana sentimen pasaran yang mencabar. OSK telah melancarkan harta tanah bernilai RM683.7 juta sepanjang tahun 2019 di Malaysia, berbanding RM748.6 juta pada tahun 2018.

- 8) Prestasi penumpang mengikut kilometer (RPK) dalam industri penerbangan mencatatkan **penurunan terbesar dalam sejarah iaitu 52.9 peratus** berbanding tahun lepas dengan semua rantau merekodkan penyusutan peratusan trafik dua angka, impak daripada penutupan sempadan dan sekatan pergerakan berikutan COVID-19.
- 9) Beberapa negara **rantau Asia Pasifik, Asia Barat serta Asia Tengah** dikenalpasti mampu menyokong pelaburan langsung atau pelaburan secara usaha sama dalam usaha meneroka pasaran baharu sawit. Antara Negara-negara yang telah dikenalpasti ialah **Filipina, Vietnam, Myanmar, Mesir, Arab Saudi, Jordan, Djibouti, Ethiopia, Somalia, Mozambique, Afghanistan, Uzbekistan dan Kazakhstan**. Manakala Negara seperti India, China dan Kesatuan Eropah (EU) akan menyokong pasaran sedia ada.
- 10) Malaysian Automotive Association (MAA) telah **menilai semula jumlah volum industri 2020 kepada 400,000 unit** daripada 607,000 unit sebelum ini disebabkan operasi perniagaan terjejas teruk akibat impak negatif pandemik COVID-19.
- 11) AirAsia menjangkakan inisiatif untuk menurunkan kos operasinya akan **menjimatkan 30 peratus kos syarikat** tersebut tahun ini. Antara langkah untuk mengurangkan kos adalah dengan tidak melakukan penghantaran pesawat baru tahun ini. Langkah ini dilaksanakan untuk **mengekalkan 1.3 juta pekerjaan** di rantau ini seterusnya **menyumbang pertumbuhan ekonomi kepada KDNK ASEAN** dari USD15.3 bilion pada tahun 2018 kepada USD35 bilion pada tahun 2030.
- 12) Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) **menyediakan program bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS)** meningkatkan tahap **pendigitalan**, seiring dengan perubahan ekosistem perniagaan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan.
- 13) **Seramai 15,597 pekerja di negeri Johor** mengalami **pengurangan gaji dan diberhentikan kerja** sepanjang PKP. Permohonan majikan untuk pemberhentian tetap membabitkan 1,443 pekerja, pemberhentian sukarela (180), pemberhentian sementara (2,864) dan pengurangan gaji (11,110).
- 14) MITI telah meluluskan **lebih daripada 7,000 daripada 30,000 lebih permohonan daripada sektor pembinaan** bagi memulakan semula operasi dalam tempoh penguatkuasaan PKP.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p><b>Negative news to dominate automotive sector in next few months – MIDF</b></p> <p>MIDF Research has maintained its “negative” rating on the Malaysian automotive sector and said the sector is likely to be dominated by negative news flows and data sets over the next few months. In a note, MIDF said the domestic automotive sector experienced a plunge in March sales.</p> <p>It said total industry volume (TIV) contracted significantly in March to just 22,478 units, representing a 59% year-on-year (y-o-y) contraction and a 45% fall on a month-on-month basis.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/negative-news-dominate-automotive-sector-next-few-months-%E2%80%93-midf">https://www.theedgemarkets.com/article/negative-news-dominate-automotive-sector-next-few-months-%E2%80%93-midf</a>
2.	Malay Mail	<p><b>Construction sector's MCO phase one shutdown dealt RM11.6b blow to Malaysian economy, says senior minister</b></p> <p>Malaysia's economy suffered about RM11.6 billion in losses, after the construction sector was shut down during the first phase of the movement control order (MCO), Senior Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said.</p> <p>“In the construction sector, there is a multiple value. We spend RM1, the multiple value is at least RM2, because it would also give opportunities for other sectors to operate. The supply sector,</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/30/construction-sectors-mco-phase-one-shutdown-dealt-rm11.6b-blow-to-malaysian/1861556">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/30/construction-sectors-mco-phase-one-shutdown-dealt-rm11.6b-blow-to-malaysian/1861556</a>

		<p>construction materials, transportation, professional services and many other services would also reap from what we have opened up.</p>	
3.	<b>Harian Metro</b>	<p><b>15,597 pekerja dipotong gaji, diberhentikan kerja</b></p> <p>Seramai 15,597 pekerja di negeri Johor mengalami pengurangan gaji dan diberhentikan kerja sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan berkata, data itu diperoleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor berdasarkan permohonan 398 majikan yang memohon untuk pemberhentian pekerja.</p> <p>Permohonan majikan untuk pemberhentian tetap membabitkan seramai 1,443 pekerja, pemberhentian sukarela (180), pemberhentian sementara (2,864) dan pengurangan gaji (11,110).</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572944/15597-pekerja-dipotong-gaji-diberhentikan-kerja">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572944/15597-pekerja-dipotong-gaji-diberhentikan-kerja</a>
4.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Malaysia's palm oil exports plunge 42% in first month of virus curbs</b></p> <p>Palm oil exports from Malaysia, the world's second largest palm producer, plunged 41.7% during the first month of a partial lockdown to contain the coronavirus, its plantation industries and commodities minister said on Thursday.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-palm-oil-exports-plunge-42-first-month-virus-curbs">https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-palm-oil-exports-plunge-42-first-month-virus-curbs</a>

	<p>Crude palm oil and refined palm oil exports fell 636,847 tonnes during the March 18-April 14 period to 890,331 tonnes from the year before, minister Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali said in a statement.</p> <p>Exports of palm oil products fell 34.8%, or 793,257 tonnes, to 1.49 million tonnes during the same period.</p> <p>"The market estimate for the region is 2 million tonnes a year," he said.</p>	
--	--	--

#### Penemuan penting & isu:

1. MIDF mengatakan sektor automotif domestik mengalami kejatuhan dalam penjualan Mac. Jumlah dagangan industri (TIV) menguncup dengan ketara pada bulan Mac kepada hanya 22,478 unit, mewakili penguncupan 59% tahun ke tahun (yoY) dan penurunan 45% pada atas bulan ke bulan.
2. Ekonomi Malaysia mengalami kerugian sekitar RM11.6 bilion setelah sektor pembinaan ditutup semasa fasa pertama perintah kawalan pergerakan (PKP). Kerugian tersebut hanya daripada sektor pembinaan, belum termasuk sektor lain.
3. Eksport minyak sawit dari Malaysia, merosot sebanyak 41.7 peratus pada bulan Perintah Kawalan Pergerakan untuk membendung penularan wabak Covid-19. Malaysia merupakan pengeluar sawit kedua terbesar di dunia.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kejatuhan hasil penjualan sektor kenderaan bermotor dipengaruhi oleh pandemik wabak Covid-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi kesan ketara kepada prestasi subsektor perkhidmatan borong dan runcit pada dua suku pertama tahun 2020. Pada suku keempat 2019, pertumbuhan sektor Perkhidmatan adalah didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dengan mencatatkan pertumbuhan 6.3 peratus (ST3 2019: 6.6%) disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen kenderaan bermotor (4.2%).
2. Kerugian yang dialami oleh penutupan operasi pembinaan semasa tempoh PKP memberi impak negatif kepada prestasi ekonomi negara khususnya bagi sektor pembinaan. Pada ST4 2019, sektor pembinaan pulih kepada 1.0 peratus berbanding negatif 1.5 peratus pada suku tahun sebelumnya dengan nilai ditambah sebanyak RM16.6 billion.

3. Ekoran daripada pandemik wabak COVID-19 telah menyebabkan eksport minyak sawit merosot, kemerosotan eksport minyak sawit ini akan memberi kesan kepada prestasi sektor pertanian dan secara langsung kepada prestasi pertumbuhan ekonomi negara. Sektor pertanian bagi subsektor kelapa sawit telah menyumbang 2.5 peratus kepada KDNK pada ST4 2019 berbanding dengan 2.9 peratus pada suku sebelumnya.

<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Proton to produce 60,000 more face shields for MAF, PDRM</b></p> <p>Proton Holdings Bhd will produce 60,000 more face shields specifically for members of the Royal Malaysia Police (PDRM) and the Malaysian Armed Forces (MAF) starting 4 May 2020. It was the second phase of the production of the personal protective equipment (PPE), which is expected to be ready by 9 May 2020.</p> <p>A total of 60,000 face shields from the first phase production had been distributed to 46 hospitals in Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka and Johor.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/proton-produce-60000-more-face-shields-maf-pdrm">https://www.theedgemarkets.com/article/proton-produce-60000-more-face-shields-maf-pdrm</a>
2.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Alibaba named third biggest global provider for IaaS and first in Asia Pacific</b></p> <p>Alibaba Cloud, the only global cloud provider that operates local data centers in Malaysia, has the third biggest market share in the global Infrastructure as a Service (IaaS) market and the biggest in</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/alibaba-named-third-biggest-global-provider-iaas-and-first-asia-pacific">https://www.theedgemarkets.com/article/alibaba-named-third-biggest-global-provider-iaas-and-first-asia-pacific</a>

		<p>the Asia Pacific region for the third year in row in 2019.</p> <p>Alibaba Cloud currently has 63 availability zones in 21 regions, serving millions of customers across the globe. It has more than 70 security and compliance accreditations worldwide. It also supported US\$38.4 billion in transactions on a single day during Alibaba's 11.11 Global Shopping Festival last year.</p>	
3.	<b>MyMetro</b>	<p><b>Mitsubishi kembali beroperasi</b></p> <p>Mitsubishi Motors Malaysia (MMM) sebagai pengedar rasmi kenderaan jenama Mitsubishi di negara ini telah kembali beroperasi selepas mendapat kelulusan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4 dilaksanakan.</p> <p>Kini, operasi untuk servis boleh dilakukan di beberapa cawangan terpilih dan servis hanya boleh dilakukan melalui temujanji, penerimaan dan penyerahan kereta secara 'contactless' dan pelanggan tidak dibenarkan menunggu di premis.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/04/572913/mitsubishi-kembali-beroperasi">https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/04/572913/mitsubishi-kembali-beroperasi</a>
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
4.	<b>The Star</b>	<p><b>Malaysia Airlines working with Khazanah for financial support</b></p> <p>Malaysia Airlines (MAB) is working closely with sole shareholder Khazanah Nasional for financial support needed due</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/malaysia-airlines-working-with-khazanah-for-">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/malaysia-airlines-working-with-khazanah-for-</a>

		<p>to the coronavirus crisis. The worsening situation had forced it to offer unpaid leave, and induced salary cuts among high-income earners in order to sustain the company's cash flow.</p>	<a href="#"><u>financial-support#cxrecs_s</u></a>
<b>C. Subsektor Kesihatan</b>			
5.	Harian Metro	<p><b>Perubatan tradisional Cina sebagai rawatan komplimentari</b></p> <p>Perubatan tradisional dan ubat Cina bukan rawatan kepada jangkitan COVID-19 tetapi hanya rawatan komplimentari untuk penyembuhan yang lebih baik.</p> <p>COVID-19 tiada rawatan lagi tetapi apa yang dicadangkan adalah cara (rawatan) contohnya penggunaan akupuntur dan pengambilan herba.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/573102/perubatan-tradisional-cina-sebagai-rawatan-komplimentari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/573102/perubatan-tradisional-cina-sebagai-rawatan-komplimentari</a>
6.	The Star	<p><b>Sunway healthcare teams up with China's frontliners to combat COVID-19</b></p> <p>In efforts to strengthen the battle against COVID-19, Sunway Group's healthcare segment has teamed up with eight visiting experts who were among China's frontliners against the coronavirus to discuss combating the pandemic. The discussions were on preventative measures, treatment, management and research to battle COVID-19.</p> <p>The research will be looking into identifying possible Chinese herbal treatment and standard</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/30/sunway-healthcare-teams-up-with-china039s-frontliners-to-combat-covid-19">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/30/sunway-healthcare-teams-up-with-china039s-frontliners-to-combat-covid-19</a>

		care for patients infected with COVID-19.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Proton Holding Bhd. akan mengeluarkan 60,000 *face shield* hasil kerjasama dari syarikat induknya DRB-HICOM untuk diedarkan kepada petugas barisan hadapan negara.
2. Alibaba Cloud, satu-satunya penyedia global cloud yang mengendalikan pusat data tempatan di Malaysia, merupakan syarikat ketiga terbesar di rantau Asia Pasifik dalam pasaran Infrastruktur sebagai Perkhidmatan pasaran (IaaS) untuk tahun ketiga berturut-turut pada tahun 2019.
3. Mitsubishi Motors Malaysia sebagai pengedar rasmi kenderaan jenama Mitsubishi di negara ini telah kembali beroperasi dalam PKP fasa 4.
4. Malaysia Airlines (MAB) bekerjasama rapat dengan Khazanah Nasional berkenaan keperluan bantuan kewangan akibat krisis COVID-19 ekoran MAB menawarkan cuti tanpa gaji dan pemotongan gaji untuk mengawal aliran tunai syarikat.
5. Penggunaan akupuntur dan pengambilan herba adalah antara rawatan komplementari yang dicadangkan oleh pakar perubatan COVID-19 dari China untuk penyembuhan yang lebih baik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia Airlines (MAB) amat terkesan dengan kejatuhan bilangan penumpang susulan wabak COVID-19 dan PKP yang menyebabkan kerugian dalam tempoh dua bulan bermula Januari 2020. Bantuan kewangan ini dapat membantu syarikat terutama dalam kelangsungan operasi dan gaji pekerja.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p><b>Furniture players must prepare for exports</b></p> <p>Malaysian furniture industry players should prepare themselves for opportunities to export various types of furniture to the United States post-Covid-19.</p> <p>Thomas Russell, senior editor of US online daily Furniture Today, said manufacturers and retailers in Malaysia should</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/furniture-players-told-to-prepare-for-export-opportunities-topportunities">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/furniture-players-told-to-prepare-for-export-opportunities-topportunities</a>

		<p>maintain a strong partnership with their respective US customers and keep a close eye on the latest developments and situations in the US.</p> <p>"As Malaysia has a strong product line for categories such as home office, living room and dining room, this would be an opportunity for growth," he said.</p>	
2.	<b>The Star</b>	<p><b>Vietnam urged to tap global supply chain for halal products</b></p> <p>As global supply chains for halal products have been disrupted by the pandemic, Vietnamese companies have been urged to further tap the halal market which has an export value of US\$34 billion a year, experts said at an online seminar on Tuesday (April 28).</p> <p>Ramlan Osman, sales director at the Halal Centre in Vietnam, said more than 1.8 billion Muslims worldwide only consume halal-certified products with annual consumption demand reaching \$2.8 trillion.</p> <p>Most of them live in Malaysia, Indonesia, Brunei, Saudi Arabia, United Arab Emirates (UAE) and other countries in the Middle East.</p> <p>Since only a few of these countries produce halal products, the market potential is huge.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/04/30/vietnam-urged-to-tap-global-supply-chain-for-halal-products">https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/04/30/vietnam-urged-to-tap-global-supply-chain-for-halal-products</a>

3.	<b>Bernama</b>	<p><b>Matrade disseminates 360 trade leads during MCO period</b></p> <p>During the Movement Control Order (MCO) period, the Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) has disseminated 360 trade leads received from foreign companies interested in sourcing products and services from Malaysia in varied sectors mainly medical devices and pharmaceutical products.</p> <p>Other products of interest include food and beverages, chemicals, automotive, furniture and electrical and electronics, MATRADE said in a statement today.</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1837161">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1837161</a>
----	----------------	---	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Pengeluar perabot di Malaysia perlu mengekalkan kerjasama yang kukuh dengan pelanggan mereka di AS memandangkan Malaysia mempunyai barisan produk yang kukuh untuk kategori seperti pejabat di rumah, ruang tamu dan ruang makan. Trend pembelian secara *online* turut meningkatkan lagi permintaan di kalangan generasi muda.
2. Pada masa kini, hanya dua negara Islam, Malaysia dan UAE antara tujuh negara dengan kadar eksport produk halal tertinggi. Banyak negara mengeksplotasi pasaran halal. Malaysia telah mengembangkan Pelan Induk Industri Halal 2.0, yang bertujuan untuk mewujudkan Halal Malaysia, dengan budaya dan ekonomi global. Sementara itu, UAE merancang untuk menjadi pusat ekonomi Islam, yang memberi tumpuan kepada kewangan Islam. Permintaan untuk produk halal yang diimport bernilai sekitar \$34 bilion setiap tahun. Eksport produk halal dari Vietnam ke pasaran ini pada masa ini berjumlah sekitar \$10.5 bilion.
3. Semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah menyebarkan 360 potensi dagangan yang diterima daripada syarikat luar yang berminat untuk mendapatkan produk serta perkhidmatan dari Malaysia dalam pelbagai sektor seperti produk perubatan dan farmaseutikal. Produk lain yang mendapat perhatian termasuk makanan & minuman, bahan kimia, automotif, perabot, elektrik dan elektronik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia mengeksport **perabot kayu dan rotan** dengan nilai RM9.1 bilion pada tahun 2019 dengan Amerika Syarikat adalah destinasi utama dengan eksport bernilai RM4.2 bilion atau 45.4% diikuti oleh Jepun (RM620.0 juta, 6.8%) dan United Kingdom (RM513.5 juta, 5.6%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, eksport perabot kayu dan rotan bernilai RM1.8 bilion, meningkat RM498.4 juta (+38.7%) berbanding RM1.3 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.
2. Eksport **produk halal** bagi tempoh Januari hingga Februari 2020 bernilai RM6.4 bilion, meningkat RM372.6 juta atau 6.2% berbanding RM6.0 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	<p><b>OSK to focus on landbanking, launch fewer projects this year</b></p> <p>The OSK group will continue to pursue strategic land banking opportunities for long-term growth and launch fewer projects this year, amid the current challenging market environment.</p> <p>As at the end of 2019 (FY19), the group has 592.45 hectares of developable land with an estimated gross development value (GDV) of RM10.5 billion in Malaysia.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/property/2020/04/588661/osk-focus-landbanking-launch-fewer-projects-year">https://www.nst.com.my/property/2020/04/588661/osk-focus-landbanking-launch-fewer-projects-year</a>
2.	New Straits Times	<p><b>Only police approval for small construction work – Fadillah</b></p> <p>Small scale construction work, including plumbing, electrical and air-conditioner repairs, do not require approval from the International Trade and</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/588611/only-police-approval-small-construction-work-fadillah">https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/588611/only-police-approval-small-construction-work-fadillah</a>

		Industry Ministry (Miti) during the Movement Control Order.  Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said they only require approval from area police station chief.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. OSK Property akan melancarkan projek dengan jumlah *Gross Development Value (GDV)* sebanyak RM311.9 juta tahun ini kerana sentimen pasaran yang mencabar. Ia akan melancarkan Iringan Bayu Mekary Fasa 3B, yang terdiri daripada rumah teres dua tingkat, dan Fasa 3C, yang menampilkan rumah teres satu tingkat di Seremban, Negeri Sembilan, serta Bandar Puteri Jaya Presint 4 dan 5 di Sungai Petani, Kedah. OSK melancarkan harta tanah bernilai RM683.7 juta sepanjang tahun di Malaysia, berbanding RM748.6 juta pada TK2018.
2. Kementerian sedar bahawa banyak kontraktor tidak berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) kerana pekerjaan yang mereka lakukan biasanya sangat kecil. Sebilangan mungkin mengkhususkan diri dalam kerja paip atau air-cond dan melakukan pembaikan rumah sederhana dengan satu atau dua pekerja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan terus membuat semakan terhadap projek-projek yang beroperasi sepanjang tempoh PKP.

<b>E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Bernama</b>	<p><b>Mac bulan bencana sektor penerbangan kerana permintaan penumpang jatuh mendadak – IATA</b></p> <p>Prestasi industri penerbangan kurang memberangsangkan apabila penumpang mengikut kilometer (RPK) direkodkan jatuh mendadak 52.9% berbanding tahun lepas dan mencatatkan penurunan yang terbesar dalam sejarah sejak 2006, impak daripada penutupan sempadan dan sekatan pergerakan berikutan COVID-19. Semua</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1837006">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1837006</a>

		<p>rantau merekodkan penyusutan peratusan trafik dua angka. Kapasiti merosot 42.8% dan faktor muatan menjunam 18.4 mata peratusan kepada 62.5%.</p>	
2.	<b>The Star</b>	<p><b>Car manufacturers lower sales target</b></p> <p>The Malaysian Automotive Association (MAA) has revised downwards its 2020 total industry volume (TIV) forecast to 400,000 units from 607,000 units previously due to negative implications of the Covid-19 pandemic which has severely affected business operations. The 400,000 units forecast would represent a 34% contraction from 2019's 604,287 units. It also marks the first time in 13 years since the TIV failed to surpass the 500,000-unit mark.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/maa-lowers-sales-target">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/30/maa-lowers-sales-target</a>
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Prestasi penumpang mengikut kilometer (RPK) dalam industri penerbangan mencatatkan penurunan terbesar dalam sejarah iaitu 52.9% berbanding tahun lepas dengan semua rantau merekodkan penyusutan peratusan trafik dua angka, impak daripada penutupan sempadan dan sekatan pergerakan berikut COVID-19.</li> <li>Malaysian Automotive Association (MAA) telah menilai semula jumlah volum industri 2020 kepada 400,000 unit daripada 607,000 unit sebelum ini disebabkan operasi perniagaan terjejas teruk akibat impak negatif pandemik COVID-19.</li> </ol>			
<p><b>Maklumbalas Bahagian:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Prestasi yang kurang memberangsangkan bagi industri penerbangan global akan memberi kesan kepada Akaun Semasa melalui komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada 2019, eksport pengangkutan udara menyumbangkan sebanyak RM12.7 bilion dan import RM15.0 bilion. Perjalanan telah mencatatkan lebihan RM30.9 bilion, di mana eksport merekodkan RM82.1 bilion dan import RM51.2 bilion.</li> </ol>			

2. Akhbar 2: Penurunan pengeluaran automotif kesan daripada pandemik COVID-19 akan dilihat pengaruhnya dalam penyusunan statistik Akaun Semasa.

